

UM 29 JUN 2001
Azim terajui
BSN untuk
penggal
kedua

KUALA LUMPUR 28 Jun
- Datuk Abdul Azim Mohd. Zabidi dilanjutkan perkhidmatannya sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi penggal kedua berkuat kuasa 1 Julai 2001 hingga Jun 2003.

BSN dalam kenyataannya hari ini berkata, surat lanjutan perkhidmatan telah ditandatangani oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Azim, 42, memulakan tugasnya sebagai Pengerusi BSN pada 1 Julai 1999, bagi mengambil alih jawatan yang disandang oleh Datuk Zahid Hamidi.

Azim turut menyandang jawatan Presiden Bank-Bank Simpanan Sedunia bagi rantau Asia Pasifik di Kongres Bank-Bank Simpanan Sedunia yang diadakan di Berlin.

Azim turut dilantik menduduki Jawatankuasa Perhubungan dan Kemajuan Institut Bank Simpanan Sedunia (WSBI), organisasi yang didukung oleh bank-bank simpanan dan organisasi bank-bank simpanan seluruh dunia.